

09 APR 1997

Mahathir-Kerjasama

MALAYSIA CADANGKAN KERJASAMA ASEAN-GCC

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

MANAMA, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan berbincang dengan negara-negara anggota Asean lain mengenai satu cadangan membentuk hubungan dengan Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Perdana Menteri berkata GCC sejak akhir-akhir ini menjadi kumpulan serantau yang penting memandangkan meningkatnya perdagangan di kalangan negara anggotanya mahupun dengan negara-negara lain.

Jika Asean boleh membentuk kerjasama dengan kumpulan serantau yang lain, tiada sebab kenapa ia tidak boleh membentuk hubungan yang serupa dengan GCC, katanya pada persidangan berita di sini sebagai mengakhiri lawatan enam harinya ke dua negara Teluk, Bahrain dan sebelum itu Kuwait.

Semasa di kedua-dua negara ini, Dr Mahathir diberikan anugerah tertinggi kerajaan.

Kuwait menganugerahkan Dr Mahathir "Mubarak Al-Kabir" sementara Bahrain, dengan jumlah penduduk sebanyak 565,000 orang dan punca pendapatan daripada pengeluaran minyak dan pelancongan, memberikan anugerah "Ahmad Al-Fatah" kerana usaha Perdana Menteri dalam meningkatkan hubungan persaudaraan.

Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emirab Arab Bersatu merupakan negara anggota GCC yang mengeluarkan 18 peratus daripada bekalan minyak mentah dunia.

Dr Mahathir berkata Asean telah mencadangkan satu bentuk kerjasama dengan negara-negara anggota Komuniti Pembangunan Afrika Selatan dan negara Lingkaran Lautan Hindi.

Katanya Asean telah pun bekerjasama dengan banyak kumpulan serantau serta negara-negara individu selain menjadikan negara seperti Jepun, Korea Selatan, India, Kesatuan Eropah, Australia dan New Zealand sebagai rakan dialog.

Katanya Asean sentiasa berhubung dengan rakan-rakan dialognya dan kumpulan serantau bagi membolehkannya menyesuaikan diri dengan keperluan mereka dan bagi mereka lebih bertolak-ansur dalam berurusan dengan negara-negara anggota Asean.

-- BERNAMA

ARA RON